

KERTAS

1

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

41 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

- 1 Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan. Apakah unsur penting dalam sistem Persekutuan?

BUKU Teks M.A. 62

- A Pembahagian kuasa
- B Penerusan tradisi sejarah
- C Penubuhan kerajaan campuran
- D Pembentukan negara berdaulat

- 2 Sistem persekutuan di negara kita bermula pada tahun 1896 yang dikenal sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB).

Kebanyakan keputusan pentadbiran NNMB adalah dibuat oleh

BUKU Teks M.A. 62

- A Sultan Melayu
- B Residen Jeneral
- C Gabenor Jeneral
- D Pembesar Melayu

- 3 Pada tahun 1895, Yamtuan Besar Seri Menanti telah menandatangani satu perjanjian dengan pemimpin-pemimpin berikut.

- Undang Johol
- Undang Jelebu
- Undang Rembau
- Undang Sungai Ujong
- Tunku Besar Tampin

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

BUKU Teks M.A. 62

- I Residen British diterima
 - II Konfederasi Negeri Sembilan dibentuk
 - III Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan
 - IV Majlis Mesyuarat Persekutuan ditubuhkan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 4 Pada tahun 1927, British telah menstruktur semula Majlis Mesyuarat Persekutuan. Mengapakah British berbuat demikian?

BUKU Teks M.A. 62

- A Menjimatkan kos pentadbiran
- B Mengukuhkan kedudukan British
- C Memudahkan proses pengagihan kuasa
- D Menunaikan permintaan Raja-raja Melayu

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan Kesatuan Malaya (Malayan Union) 1946.

British menyatukan semua negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka untuk membentuk sebuah kerajaan yang dinamakan Kesatuan Malaya atau Malayan Union 1946.

Apakah tujuan British berbuat demikian?

BUKU Teks M.A. 62

- A Mengukuhkan kedudukan raja
- B Memerintah mengikut perlembagaan
- C Menyatukan pentadbiran semua negeri
- D Menyeimbangkan perkembangan ekonomi

- 6 Malayan Union telah diperkenalkan secara rasmi pada 1 April 1946. Mengapakah Malayan Union gagal diteruskan?

BUKU Teks M.A. 62

- A Bantahan orang Melayu
- B Kemasukan Sarawak dan Sabah
- C Perjuangan kemerdekaan orang Melayu
- D Penstrukturan semula Majlis Persekutuan

- 7 Persekutuan Tanah Melayu 1948 menandakan bermulanya era moden amalan Persekutuan di negara kita.

Bagaimanakah Raja-raja Melayu memerintah negeri masing-masing?

BUKU Teks M.A. 62

- A Mengikut hukum adat
- B Mengikut kuasa mutlak raja
- C Berdasarkan sistem pembesar
- D Berdasarkan perlembagaan negeri

- 8 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah mewujudkan sebuah kerajaan Persekutuan yang kuat dan berdaulat.

Bagaimanakah konsep Persekutuan yang merdeka diperkukuh?

BUKU Teks M.A. 62

- I Pembentukan Malaysia
 - II Pengamalan Raja Berperlembagaan
 - III Pengenalan Demokrasi Berparlimen
 - IV Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV



Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

- 9 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Mengapakah pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri perlu dilakukan?

(BUKU TEKS m. 41)

- A Menyatukan kaum
- B Membentuk kesatuan
- C Melicinkan pentadbiran
- D Menjamin kedaulatan negara

- 10 Perlembagaan Persekutuan tidak memberi peruntukan kuasa khusus kepada kerajaan Tempatan. Kerajaan tempatan adalah di bawah kuasa

(BUKU TEKS m. 44)

- A Kerajaan Negeri
- B Majlis Bandaraya
- C Majlis Perbandaran
- D Kerajaan Persekutuan

- 11 Pada peringkat Persekutuan, pihak manakah yang bertanggungjawab untuk menggubal undang-undang bagi seluruh Malaysia?

(BUKU TEKS m. 61)

- A Parlimen
- B Kabinet Menteri
- C Perdana Menteri
- D Mahkamah Persekutuan

- 12 Kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan meliputi perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Persekutuan. Antara berikut, bidang manakah yang terkandung dalam Senarai Persekutuan?

(BUKU TEKS m. 65)

- I Tanah
- II Pertahanan
- III Hal ehwal luar negeri
- IV Undang-undang Islam
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 13 Senarai yang berikut merupakan perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama.

Senarai Bersama

- Keajaian awam
- Kebudayaan dan sukan
- X

Apakah X?

(BUKU TEKS m. 66)

- A Pelajaran
- B Perumahan
- C Pertahanan
- D Perancangan bandar

- 14 Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Mengapakah kuasa tambahan diberikan?

(BUKU TEKS m. 70)

- A Mengawal kerakyatan
- B Melicinkan pentadbiran negeri
- C Memenuhi keperluan pelbagai etnik
- D Menyesuaikan kemasukan negeri dalam Persekutuan Malaysia

- 15 Apakah peruntukan tambahan yang diberikan kepada Senarai Negeri bagi Sarawak dan Sabah?

(BUKU TEKS m. 70)

- A Biasiswa
- B Kebebasan bersuara
- C Mahkamah Anak Negeri
- D Penubuhan Dewan Negeri

- 16 Kerajaan Tempatan merupakan kerajaan peringkat ketiga yang diberi kuasa untuk mentadbir dalam sesebuah kawasan tempatan.

Apakah peranan Kerajaan Tempatan?

(BUKU TEKS m. 72)

- I Menggubal undang-undang negeri
- II Meningkatkan perkembangan ekonomi
- III Memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat
- IV Menjadi perantara antara Kerajaan Negeri dengan rakyat

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 17 Senarai berikut merupakan antara fungsi sesebuah badan.

- Menyenggara jalan raya
- Membangunkan perumahan awam
- Menjaga kesihatan awam

Apakah badan tersebut?

(BUKU TEKS m. 71)

- A Jabatan Kesihatan
- B Jabatan Kerja Raya
- C Kerajaan Tempatan
- D Kerajaan Persekutuan

- 43 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

- 18 Bagi menjayakan pembangunan sosioekonomi, Kerajaan Persekutuan menubuhkan agensi yang dapat memberi bantuan kepada Kerajaan Negeri.

Apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri?

(BUKU TEKS m. 73)

- I Kewangan
- II Kepakaran
- III Penyediaan tanah
- IV Penyediaan buruh
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 19 Pada peringkat awal kemerdekaan, kerjasama sosioekonomi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri tertumpu pada pembangunan In-Situ. Apakah yang diberi penekanan dalam program In-Situ?

(BUKU TEKS m. 73)

- A Pengukuhan pertahanan
- B Pembangunan fizikal desa
- C Pembangunan tanah baru
- D Perkembangan perdagangan

- 20 Pada tahun 1956, Kerajaan persekutuan telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Apakah peranan FELDA?

(BUKU TEKS m.s. 72)

- A Menyelidik tanah terbiar
- B Membekalkan benih sawit
- C Menguruskan air dan saliran
- D Melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu

- 21 Pada tahun 1966, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan FELCRA dalam usaha memajukan sosioekonomi di Tanah Melayu.

Apakah bidang yang ingin dibangunkan oleh FELCRA?

(BUKU TEKS m.s. 72)

- A Perumahan
- B Perdagangan
- C Perindustrian
- D Pemulihan tanah

- 22 Senarai berikut berkaitan dengan agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan selepas tahun 1970.

- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)

Mengapakah agensi tersebut ditubuhkan?

(BUKU TEKS m.s. 73)

- A Menyatukan tanah
- B Membangunkan wilayah
- C Memajukan sektor perdagangan
- D Memajukan sektor perindustrian

- 23 Selepas tahun 2005, kerjasama sosioekonomi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dilaksanakan melalui Pembangunan Koridor Wilayah.

Apakah matlamat yang hendak dicapai melalui Pembangunan Koridor Wilayah?

(BUKU TEKS m.s. 71)

- A Menarik pelancong
- B Memelihara identiti wilayah
- C Membangunkan kawasan luar bandar
- D Mewujudkan keseimbangan pembangunan wilayah

- 24 Pengurusan hidupan liar dan taman negara merupakan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Antara berikut, yang manakah telah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2000?

(BUKU TEKS m.s. 71)

- I Taman Hidupan Liar Krau
- II Taman Negara Mulu, Sarawak
- III Taman Negara Kinabalu, Sabah
- IV Taman Negara Johor Endau Rompin
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 25 Sejak tahun 1994, sebanyak 42 buah pulau di perairan Malaysia telah diwartakan sebagai taman laut.

Dasar berkaitan dengan taman laut dibentuk oleh

(BUKU TEKS m.s. 73)

- A Majlis Daerah
- B Kerajaan Negeri
- C Kerajaan Persekutuan
- D Jabatan Taman Laut Malaysia

- 26 Kementerian berikut telah ditubuhkan pada tahun 1964.

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Apakah matlamat penubuhan kementerian tersebut pada ketika itu?

(BUKU TEKS m.s. 74)

- A Membuka tanah perumahan
- B Menyediakan kedai perniagaan
- C Menyediakan rumah kos rendah
- D Membina perumahan mampu milik

- 27 Pada 26 Mac 1972, Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kedua telah mengisytiharkan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai Rajang Area Security Command (RASCAM).

Mengapakah beliau berbuat demikian?

(BUKU TEKS m.s. 71)

- A Ancaman komunis
- B Pencerobohan pengganas
- C Pemberontakan rakyat sering berlaku
- D Kemasukan pendatang asing meningkat

4.4 Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

- 28 Apakah faktor yang boleh mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita?

(BUKU TEKS m.s. 80)

- A Keluhuran perlembagaan
- B Kesopanan dan kesusilaan
- C Kedaulatan undang-undang
- D Kepercayaan kepada Tuhan

- 29 Apakah yang menjadi rujukan utama apabila berlaku ketidakselarasan antara undang-undang Persekutuan dengan undang-undang negeri?

(BUKU TEKS m.s. 80)

- A Mahkamah Tinggi
- B Perlembagaan Negeri
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Perlembagaan Persekutuan

- 30 Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Apakah tujuan mesyuarat tersebut diadakan?

(BUKU TEKS m.s. 80)

- A Membentuk dasar kerajaan
- B Menggubal undang-undang
- C Menyelaras sistem pentadbiran
- D Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar